

KEDAULATAN INSTITUSI RAJA DAN PEMELIHARAAN ISLAM



Institusi Raja sebagai simbol Perpaduan

Institusi raja juga adalah berperanan dalam pemeliharaan Islam yang terkandung dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan. Sehubungan dengan itu, menunjukkan Islam membentuk perpaduan masyarakat berdasarkan asas akidah yang sahih, nilai keadilan, sikap saling tolong menolong di atas dasar keabakan dan ketekwaan serta menjauhi sikap permusuhan demi kemurniaan sejagat. Di samping itu perpaduan ibangbangkan bersama masyarakat bukan Islam yang menyerahkan taat dan setia kepada Yang di-Pertuan Agong sebagai simbol ketuwa agama Islam.

Perkara yang demikian ini kerana melalui Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan memberitahu bahawa jaminan masyarakat bukan Islam daripada penindasan keagamaan atau perkauman. Perlembagaan Persekutuan dalam perkara 153 juga memberitahu bahawa institusi raja berperanan menjaga kedudukan masyarakat Islam tanpa mengabaikan kaedudukan dan kepentingan masyarakat bukan Islam. Peruntukan-peruntukan seperti ini jelas menyatakan institusi raja berperanan sebagai payung keaulatan negara untuk memberi naungan saksama tanpa mengira kaum, agama dan fahaman politik.

Penutup

Secara keseluruhannya, Yang di-Pertuan Agong bersama institusi raja yang menjalankan kuasa prerogatif untuk memperkenankan semua hal ehwal Islam di Malaysia. Institusi raja merupakan lambang kekuasaan negara dan menjadi tumpuan kesetiaan rakyat dan perpaduan negara.

Justeru itu, memberikan taat dan setia kepada institusi raja dalam perkara makruf merupakan tanggungjawab setiap individu muslim. Begitu juga memelihara Islam yang menjadi lambang kepada penghormatan terhadap institusi raja. Sememangnya pula sebagai masyarakat Islam yang mewakili warganegara Malaysia, mempertahankan keaulatan institusi raja dan pemeliharaan Islam menjadi kewajipan dan tuntutan di sisi syariat Islam.

Historiografi Islam menampilkan Nabi Muhammad SAW adalah merupakan seorang ketua negara di Madinah. Kemudian jawatan ketua negara Islam diterima secara jimat sahahab (kesepakatan para sahabat) yang ditunjukkan oleh Khulafa' al-Rasyidin bermula dengan Saidina Abu Bakr al-Siddiq RA, Saidina Umar al-Khattab RA, Saidina Uthman al-Affan RA dan Saidina Ali Ibn Abi Talib RA. Ketua negara Islam menggunakan gelaran Amir al-Mukminin seawaktu pemerintahan Saidina Umar al-Khattab RA. Ketua negara Islam juga dikenali sebagai Khalifah, al-Imamah atau Imam ketika pemerintahan Bani Umayyad dan 'Abasiyyah. Hal demikian ini menunjukkan ketua negara Islam memegang amanah sebagai pewaris khalifah Rasullullah SAW dan khalifah Allah dalam pemerintahan negara. Ketua negara Islam juga memiliki autoriti tertinggi kerana ia menggalas tugas rasullullah SAW bagi menegakkan syariat Allah SWT.

Ketua Negara menurut Sarjana Islam

Imam al-Juwaini dalam menjelaskan tentang al-Imamah, ianya adalah bermaksud kepemimpinan secara komprehensif meliputi hal ehwal yang khusus dan umum dalam menjaga kepentingan agama dan dunia. Ibn Khaldun juga menyatakan bahawa ketua negara merupakan tonggak dalam hal ehwal kehidupan kemudian setiap lapisan masyarakat tanpa sebarang pengecualian berdasarkan akal rasional yang seiring dengan kehendak Allah.

Imam al-Hawardi pula menetapkan keberadaan pemimpin sebagai hukum wajib kifayah kerana ketetapan pemimpin akan melaikan perselisihan. Seterusnya Ibn al-Tamimiyyah berpendapat bahawa ketua negara merupakan kewajipan agama yang utama. Ketidadaan ketua negara akan menyebabkan banyak hal ehwal keduniaan dan kewajipan agama akan tergendala. Oleh itu, ketua negara mempunyai mandat dalam mengatur hal ehwal duniawi dan ukhawi berdasarkan tuntutan syariat

Institusi Raja di Malaysia

Sebelum kedatangan Islam, agama hindu mempengaruhi konsep pemerintahan beraja di alam Melayu. Konsep ini memposisikan darjat raja selaku dewa yang berkuasa mutlak terhadap masyarakat. Selepas kedatangan Islam, alam Melayu melaksanakan pemerintahan Islam beraja yang dikenali dengan istilah sultan. Pemerintahan Islam beraja juga memakai panggilan khalifah seperti yang digunakan oleh Paduka Seri Sultan, 'Ala al-Din', Mansur al-Shah Iskandar khalifah al-Rahim. Begitu juga menurut Raja Ali Haji bahawa penggunaan sebutan sebagai raja seperti berikut:

- 1 Khalifah atau khalifah Rasullillah SAW yang bertanggungjawab mendirikan Islam dan menyatukan hamba Allah (rakyat) dengan hukum al-Quran, hadis dan jimat;
- 2 Sultan iaitu mengemaskan hukum atas segala rakyatnya dengan hukum yang adil yang datang daripada Allah dan rasul-Nya;
- 3 Imam (al-Imamah) iaitu iktian segala rakyatnya pada segala hukuman dan perintahnya yang dapat membawa kufur dan maksiat.

Perkara di atas menunjukkan pemerintahan beraja di alam Melayu bertepatan dengan silyas syar'iyah dalam Islam. Oleh sebab itu dipertontonkan di alam Melayu yang mashur sebagai pusat perdagangan dunia kerana melaksanakan undang-undang Islam seperti Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang 99. Selain itu sejarah memperlihatkan keaulatan raja-raja Melayu memelihara adat istiadat dan undang-undang Islam daripada ibangbangkan secara mutlak oleh imperialis terhadap Tanah Melayu.

Walhal di era pasca merdeka, Tanah Melayu tetap melestarikan pemerintahan beraja. Pemerintahan beraja mengalami variasi yang harmonis dengan sistem raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen di Malaysia. Yang di-Pertuan Agong bertindak sebagai ketua negara di peringkat persekutuan yang mewakili institusi raja bagi memastikan kelancaran perjalanan pemerintahan negara yang merangkumi fungsi legislatif, eksekutif dan kehakiman. Dalam pada itu kedudukan raja-raja lain tetap mempunyai keaulatan dalam negeri masing-masing.

Oleh yang demikian, Institusi raja merupakan kesinambungan tradisi dan budaya masyarakat Melayu dan Islam yang memberikan identiti tersendiri di Malaysia. Institusi raja juga beraturiti dalam mempraktikkan nilai-nilai Islam dalam undang-undang. Di samping itu unsur-unsur Islam menjadi identiti dalam upacara-upacara rasmi negara. Institusi raja bukan setakat simbol tetapi payung kepada bangsa dan negara. Keaulatan institusi raja yang diangkat tinggi dalam Perlembagaan Persekutuan juga secara tidak langsung turut memelihara kedudukan Islam.

Islam dalam Perlembagaan Persekutuan

Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan menaekirkan bahawa Islam adalah agama yang istimewa dalam kalangan majoriti masyarakat di Malaysia. Pertautan Islam dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dengan Perundangan dan pentadbiran Islam di bawah kuasa negeri yang diketuai institusi raja yang diangkat-masing.

Sekalipun perundangan Islam belum dilaksanakan sepenuhnya, namun beberapa sistem dalam Islam digunakan secara sukrela dalam kalangan masyarakat di Malaysia termasuk bukan Islam seperti sistem perbankan Islam. Hal ini membuktikan Islam adalah identiti yang signifikan dalam masyarakat dan negara di Malaysia.